

22 FEB 2003

NAM-Kaddumi/I

MESEJ PENGHARGAAN ARAFAT KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Presiden Palestin Yasser Arafat telah menyediakan satu mesej penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia di atas usaha-usaha untuk membolehkan beliau menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini.

Menteri Luar dan ketua delegasi Palestin ke sidang kemuncak itu, Farouk Kaddumi hari ini berkata mesej itu akan disampaikan kepada Dr Mahathir sekiranya Arafat tidak dapat datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri persidangan enam hari yang bermula dua hari lepas.

"Saya juga telah diminta untuk menyampaikan salam dan penghargaan daripada Arafat kepada Dr Mahathir terhadap sokongan yang kami terima daripada kerajaan serta rakyat Malaysia," katanya kepada Bernama setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang malam tadi untuk menghadiri mesyuarat peringkat menteri hari ini.

Arafat terperangkap dalam situasi yang sukar memandangkan tiada siapa pun boleh memberikan jaminan untuk beliau pulang ke Palestin dengan selamat sekiranya beliau membuat keputusan untuk datang ke sini.

Bagaimanapun, Kaddumi berkata pemimpin Palestin itu masih tidak berputus asa untuk menghadiri sidang kemuncak pemimpin-pemimpin NAM, yang dijadualkan pada Isnin dan Selasa.

Sementara itu, kebanyakan menteri luar NAM telah tiba di sini malam tadi, termasuk S. Jayakumar dari Singapura, Fayza Aboul Naga (Mesir), Putera Mohamed Bolkiah (Brunei), Yashwant Singha (India), Dr Najji Sabri (Iraq) dan Marwan Muasher dari Jordan.

Menteri Luar Timor Leste, Jose Ramos Horta, juga tiba malam tadi. Negara berkenaan, beserta dengan Saint Vincent and the Grenadines, akan menyertai NAM pada sidang kemuncak di Kuala Lumpur, menjadikan jumlah keanggotaannya kini sebanyak 116.

-- BERNAMA

NM MAM JK ROS